

20/03/2000

NGO disaran adakan forum sedarkan lelaki

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan wanita dan kakitangan kerajaan disaran mengadakan ceramah dan forum untuk dihadiri golongan lelaki bagi menyedarkan mereka mengenai tanggungjawab terhadap wanita.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata NGO berkenaan perlu menggembelng tenaga membela wanita daripada pelbagai masalah terutama penderaan.

Beliau berkata, kakitangan kerajaan misalnya setiap dua bulan sekali boleh mengadakan ceramah mengenai perkara yang membabitkan tanggungjawab bersama seperti keibubapaan dan hak wanita kepada kakitangan lelaki.

"Kursus dan ceramah mengenai tanggungjawab terhadap wanita perlu diadakan bagi meningkatkan kesedaran terhadap masalah yang timbul.

"Kadangkala soal anak tidak lulus peperiksaan pun boleh dijadikan sebab untuk mendera isteri dengan alasan tidak tahu menjaga anak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan forum "Apa Yang Wanita Mahu", di Hotel J W Marriot, di sini, hari ini.

Turut hadir, Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir dan Ketua Pengarang Marie Claire Antarabangsa, Katie Breen.

Selain itu, Rafidah berkata NGO perlu bekerjasama untuk memastikan di mana masih terdapat perkara yang luar biasa dari peraturan sedia ada yang boleh mendatangkan mudarat kepada wanita.

"Hal seumpama ini perlu diketengahkan bagi menyedarkan pihak berkuasa sama ada dari peringkat pusat supaya membetulkan keadaan ini," katanya.

Katanya, kadangkala wanita tidak dapat pembelaan kerana tidak tahu mana hendak rujuk dan sudah masanya pertubuhan wanita membantu mereka.

Selain itu, katanya wanita di negara ini beruntung kerana mendapat hak persamaan pelbagai aspek termasuk pekerjaan, gaji dan pendidikan.

"Di negara ini, wanita dikira beruntung kerana tidak ada halangan untuk terus maju dan bersaing dengan golongan lelaki dalam apa jua bidang sekali pun," katanya.

Tahun lalu saja, katanya 44.2 peratus daripada sembilan juta tenaga kerja di negara ini adalah daripada golongan wanita.

Rafidah berkata dalam membincangkan isu wanita, keluarga dan masyarakat, ia tidak harus dipolitikkan oleh mana-mana pihak untuk kepentingan mereka kerana ia adalah isu serius.

Sementara itu, mengenai isu gaji minimum yang diusulkan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) baru-baru ini, Rafidah berkata banyak perkara yang harus dikaji sebelum melaksanakannya.

"Gaji setiap pekerja adalah berbeza, justeru ia sukar untuk menentukan kadar yang minimum.

"Di negara ini, gaji diberi mengikut pengeluaran, kalau gaji tinggi tapi pengeluarannya tidak setimpal negara akan rugi.

"Saya yakin majikan yang cerdik dan rasional pasti memberi imbuhan setimpal kepada pekerjanya," katanya.

(END)